



## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT :

DATIN MAZIAH BINTI ADNAN  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kerajaan Tempatan

EN. TAN LAI SENG  
Timb. Ketua Pengarah (T)  
Jabatan Kerajaan Tempatan

### PENYELARAS :

DR. HASNAH BIBON  
TN. H.J. SUHAILI SIRUN  
TN. H.J. ROSNANI AB HAMID  
EN. PETER NGALANG

### KETUA EDITOR :

EN. RAJENDRAN KOBALU

### EDITOR :

PN. ASHILA BINTI R.AZMI  
CIK NADYA SURIA MOHD  
SALLEH

### SEKRETARIAT :

PN. AZLINA BINTI ABU  
PN. NOOR SUHAILA BT. ROSLI  
EN. MOHD FARIZAL BIN ISMAIL  
CIK NOR HANA BINTI FADZIR

### DITERBITKAN OLEH :

BAHAGIAN KESIHATAN  
PERSEKUTARAN  
JABATAN KERAJAAN  
TEMPATAN

Aras 26, 51, Persiaran  
Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya

☎ 03-88913374  
✉ ks@kpkt.gov.my

## WADAH MAKLUMAT KESIHATAN ANDA



# INFO SIHAT

BAHAGIAN KESIHATAN PERSEKUTARAN  
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

EDISI : APRIL 2014

## TOPIK BULAN INI

## **PUBLIC SERVICE DELIVERY TRANSFORMATION (PSDT) PROGRAMME**

Oleh : En. Mohamad Hafiz bin Mohamad Azmi



KPKT sedang melaksanakan *Public Service Delivery Transformation (PSDT) Programme* yang diperkenalkan oleh *The Performance Management & Delivery Unit (PEMANDU)* di mana projek perintis yang dipersetujui bagi KPKT ialah Penambahbaikan Tandas Awam. Projek perintis ini akan dilaksanakan di tiga buah tandas awam di persisiran pantai Port Dickson iaitu Pantai Teluk Kemang, Pantai Saujana dan Pantai Tanjung Biru.

Sebanyak 6 siri bengkel PSDT telah diadakan dimulai dengan siri pertama pada 26 hingga 29 Januari 2014 bertempat di Hotel Thistle, Port Dickson. Bengkel tersebut dihadiri oleh ahli kumpulan yang terdiri daripada:

1. Bahagian Kesihatan Persekutaran, JKT;
2. Bahagian Penyelidikan dan Perundangan Teknikal, JKT;
3. Bahagian Dasar KPKT;
4. PEMANDU
5. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara;
6. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA);
7. PPSPPA Negeri Sembilan;
8. Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD); dan
9. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)

Program yang dicadangkan oleh Kementerian akan dijadikan hak pemilikan (*ownership*) Kementerian yang terlibat. PEMANDU yang bertindak selaku penyelaras akan sentiasa membantu Kementerian semasa pelaksanaan Program PSDT ini.

Ahli kumpulan projek ini telah bersetuju untuk memilih MPPD sebagai PBT untuk melaksanakan projek perintis (*pilot project*) dalam tempoh enam bulan. Pemilihan ini kerana tandas-tandas awam di kawasan Teluk Kemang sentiasa menjadi tumpuan pelancong.

Sesi *engagement* yang diadakan beberapa kali sejak bulan Januari 2014 dijangka akan tamat pada akhir bulan Mei ini. Selepas itu pihak MPPD akan mula melaksanakan projek penambahbaikan tandas-tandas awam tersebut.

## INFORMASI

# SEJARAH SAMBUTAN HARI TANDAS

Tarikh 19 November 2001 menjadi tarikh yang bersejarah kepada seluruh dunia kerana ia merupakan hari Pertubuhan Tandas Dunia (WTO) ditubuhkan. Pada tarikh dan hari yang sama, sidang konvensyen antarabangsa pertama mengenai tandas telah diadakan di Singapura. Sejak penubuhannya pada tahun 2001, Hari Tandas Sedunia disambut di peringkat global oleh NGO, agensi-agensi Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB), sektor swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat antarabangsa.

Pada tahun 2013, inisiatif bersama antara Kerajaan Singapura dan WTO telah membawa suatu resolusi yang pertama, bertajuk " *Sanitation For All* ". Resolusi tersebut bertujuan untuk menyeru tindakan bersama bagi menangani krisis sanitasi global melalui memperingati Hari Tandas Sedunia. Resolusi itu telah digunakan oleh 122 negara pada sesi ke-67 Perhimpunan Agung PBB di New York. Hari Tandas Sedunia telah menjadi hari rasmi PBB pada 24 Julai 2013.



Disebabkan oleh persidangan ini julung-julung kalinya diadakan, ia telah diputuskan bahawa satu hari antarabangsa untuk menghargai dan meraikan tandas perlu diwujudkan. Hari Tandas Sedunia telah disambut bertujuan untuk menarik perhatian seluruh dunia mengenai krisis global berkenaan sanitasi di tandas-tandas awam. Buat julung kalinya KPKT telah menganjurkan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2010 bertemakan "Budaya Tandas Bersih Amalan 1Malaysia" dan telah dirasmikan oleh YB. Dato Wira Chor Chee Heung, Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan dan sejak itu sambutan ini telah diadakan setiap tahun sehingga kini.



## TAHUKAH ANDA? DISEBABKAN KURANG TAHAP SANITARI TANDAS...

### Kanak-kanak

Kira-kira 700,000 kanak-kanak mati setiap tahun disebabkan oleh kekurangan tahap sanitasi di tandas-tandas. Ini bermakna hampir 2,000 kematian kanak-kanak sehari telah direkodkan. Penemuan kajian tersebut mendapati jika sistem sanitasi dipertingkatkan, ia dapat menurunkan kadar 1/3 daripada kadar kematian akibat cirit berit.

### Pembelajaran/ilmu

Fakta menunjukkan ramai kanak-kanak perempuan yang ponteng sekolah hanya kerana kekurangan tandas yang bersih dan selamat. Tandas yang bersih dan selamat mendorong lebih ramai kanak-kanak perempuan untuk hadir ke sekolah.

### Pembuangan air besar secara terbuka

Sasaran bagi tahun 2015 adalah untuk mengurangkan separuh dari kadar penduduk dunia yang hidup tanpa sanitasi yang sempurna. Sejumlah 1 bilion atau 15% daripada penduduk dunia masih mengamalkan membuang air besar secara terbuka.

### Pelaburan

Perkara yang perlu dilakukan untuk mengawal penyakit berjangkit dengan kos lebih rendah adalah dengan meningkatkan tahap kebersihan tandas berbanding dengan kos merawat penyakit tersebut.

sumber :

1. <http://worldtoilet.org>
2. Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan